

15 MAY 2001

Cuepacs-Bersara

CUEPACS MAHU SURAT TAWARAN SAMBUNG PERKHIDMATAN SEBULAN AWAL

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Kerajaan diminta mengeluarkan surat tawaran pilihan sebulan lebih awal kepada kakitangan perkhidmatan awam yang mencapai umur 55 tahun sama ada mahu terus bersara atau bersetuju melanjutkan perkhidmatan.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) Abdul Rahman Manan berkata surat tawaran itu hendaklah dikeluarkan selewat-lewatnya pada 1 Sept ini bagi membolehkan kakitangan awam yang akan bersara pada 1 Okt mempunyai masa untuk membuat pilihan sama ada bersara atau meneruskan perkhidmatan setahun lagi.

Beliau berkata Cuepacs menyambut baik pelaksanaan had umur bersara kakitangan awam kepada 56 tahun mulai 1 Okt ini sebagaimana diumumkan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman semalam.

Perlanjutan tempoh persaraan kepada 56 tahun akan memberikan imej baru kepada perkhidmatan awam di Malaysia, katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini menyatakan kesediaan kerajaan menaikkan had umur persaraan kakitangan awam secara beransur-ansur sehingga akhirnya mencecah 60 tahun.

Abdul Rahman berkata Cuepacs berpendapat kerajaan akan mempercepatkan proses melanjutkan umur persaraan kakitangan awam kepada 58 dan seterusnya 60 tahun sekiranya tempoh bersara pada umur 56 tahun banyak membawa manfaat kepada kerajaan, negara dan kakitangan awam itu sendiri.

Dalam pada itu, Cuepacs juga menghormati kakitangan awam yang ingin bersara mengikut tempoh umur 55 tahun atau lebih awal untuk tujuan masing-masing termasuk menceburi bidang perniagaan, katanya.

-- BERNAMA

RZS AHH AKD